

1.



uk Memahami

Maklumat berikut tentang sistem perundangan negara kita.

Terdapat dua jenis sistem perundangan di negara kita, iaitu undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis.

Apakah nama lain bagi undang-undang tidak bertulis?

- ☐ A Adat
- ☐ B Akta
- ☐ C Kanun
- ☐ D Hukuman

2.

Konstruk Mengingat

Apakah kemuncak kemakmuran negara kita?

- ☐ A Perkembangan ekonomi
- ☐ B Perkembangan perdagangan
- ☐ C Perkembangan kegiatan sosial
- ☐ D Perkembangan dan kegemilangan kegiatan intelektual

3.

Konstruk Memahami

Maklumat berikut tentang pendidikan formal.

Pendidikan formal masyarakat Melayu dilaksanakan di masjid, surau, pondok, madrasah dan istana

Apakah ilmu yang diajar di masjid dan surau?

- I Hadis
- II Fekah
- III Sistem politik
- IV Pentadbiran negara

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

4.

Konstruk Menganalisis

Apakah kesan Revolusi Perindustrian yang berlaku di Britain terhadap negara kita?

- ☐ A Negara kita dijajah
- ☐ B Negara kita merdeka
- ☐ C Negara kita menjadi kaya
- ☐ D Negara kita menjadi miskin

5.



Apakah syarat Perjanjian London 1824 terhadap Belanda?

- I Mengiktiraf petempatan British di Singapura
- II Menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada British
- III Menyerahkan Bangkahulu kepada British
- IV Membuka petempatan baharu di Tanah Melayu

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

6.



Apakah kesan Perjanjian London 1824 terhadap empayar Kesultanan Johor Riau?

- ☐ A Empayar Kesultanan Johor Riau berkembang
- ☐ B Empayar Kesultanan Johor Riau berpecah belah
- ☐ C Empayar Kesultanan Johor Riau bertambah kawasan
- ☐ D Empayar Kesultanan Johor Riau bertambah gemilang

7.



Apakah tujuan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka digabungkan menjadi Negeri-negeri Selat?

- ☐ A Menyeragamkan pentadbiran
- ☐ B Meluaskan pasaran barangan perindustrian
- ☐ C Menyeragamkan sistem perundangan
- ☐ D Menambahkan beban kewangan British

8.



Apakah faktor pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat ke Pejabat Tanah Jajahan London?

- I Tiada wakil Negeri-negeri Selat dalam Majlis Perundangan di India
- II Pejabat India gagal mengawal masalah rompakan terhadap kapal dagang
- III Pejabat India gagal mengawal jenayah yang berlaku di Negeri-negeri Selat
- IV Pejabat India gagal meningkatkan ekonomi Negeri-negeri Selat

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

9.



Bagaimanakah tindakan Aceh untuk menguasai kekayaan dan kemakmuran Perak pada abad ke-16 dan ke-17?

- ☐ A Mengiktiraf sebagai negeri naungan
- ☐ B Menghalang kemasukan pelabur asing
- ☐ C Mendapatkan bantuan daripada Portugis
- ☐ D Menandatangani perjanjian dengan Belanda

10 .



Menganalisis

Pengeluaran bijih timah Perak merosot menjelang akhir abad ke-18. Apakah faktor berlaku kemerosotan tersebut?

- ☐ A Kejatuhan harga bijih timah
- ☐ B Bekalan bijih timah berlebihan
- ☐ C Berlaku penyeludupan bijih timah
- ☐ D Kekurangan permintaan di pasaran dunia

11 .

Konstruk Mengingat

Negeri Melayu manakah yang menjadikan emas sebagai eksport utama sejak abad ke-13 berdasarkan rekod negara China?

- ☐ A Perak
- ☐ B Perlis
- ☐ C Pahang
- ☐ D Pulau Pinang

12 .

Konstruk Menganalisis

Apakah situasi yang membolehkan British manipulasi di Perak?

- I Perang Larut 1861-1874
- II Perebutan takhta Kesultanan Perak
- III Rompakan kapal dagang British
- IV Kematian rakyat British di Perak

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

13 .

Konstruk Mengingat

Siapakah Residen British pertama di Perak?

- ☐ A J.W.W. Birch
- ☐ B J.P. Rodger
- ☐ C J.G. Davidson
- ☐ D Martin Lister

14 .

Konstruk Mengingat

Apakah nama lain bagi pembesar peringkat kampung dalam tradisi Kesultanan Melayu?

- ☐ A Bentara
- ☐ B Bendahara
- ☐ C Pembesar
- ☐ D Penggawa

15.



Mengingat

Apakah sebab British menandatangani Perjanjian Sulit 1897 dengan Siam?

- ☐ A Meluaskan pasaran
- ☐ B Mendapatkan bahan mentah
- ☐ C Meluaskan tanah jajahan
- ☐ D Memastikan tidak ada kuasa lain meluaskan pengaruh ke atas Kedah, Kelantan dan Terengganu

16.

Konstruk

Menganalisis

Apakah sebab yang membolehkan Johor mengekalkan kedaulatannya hingga tahun 1914?

- ☐ A Ekonomi yang stabil
- ☐ B Perpaduan antara kaum
- ☐ C Keharmonian antara kaum
- ☐ D Kemajuan dan kemakmuran serta pemodenan dalam pentadbiran

17.

Konstruk

Menganalisis

Apakah kesan pembentukan Negeri-negeri Tidak Bersekutu terhadap pembesar negeri?

- ☐ A Pembesar negeri diberikan tanah
- ☐ B Pembesar negeri diberikan lebih kuasa
- ☐ C Pembesar negeri tidak lagi mengutip cukai dan pajak
- ☐ D Pembesar negeri diberi lebih jawatan untuk dipegang

18.

Konstruk

Mengaplikasi

Pernyataan manakah yang menerangkan tentang sistem kesukuan Sarawak?

- I Pemimpin utama masyarakat Iban ialah Tuai Rumah
- II Sumber autoriti bagi masyarakat Bidayuh ialah Tua Kapung
- III Pemimpin bagi masyarakat Bajau ialah matto'a
- IV Majlis Kampung membantu Orang Tua dalam pengurusan adat

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

19 .

Konstruk Mengaplikasi

Apakah strategi yang James Brooke gunakan untuk mendapatkan kuasa pemerintahan di Sarawak?

- I Ugutan
- II Rundingan
- III Strategi licik
- IV Teknologi senjata

- ☐ A I dan II
- ☐ B I dan IV
- ☐ C II dan III
- ☐ D III dan IV

20 .

Konstruk Menganalisis

Apakah iktibar yang kita peroleh daripada peluasan kuasa oleh Dinasti Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah?

- ☐ A Kita perlulah berwaspada terhadap anasir luar
- ☐ B Kita perlulah mengutamakan perpaduan antara kaum
- ☐ C Kita mestilah mengukuhkan ekonomi tempatan
- ☐ D Kita mestilah menjaga sensitiviti setiap kaum